

MS 24.

# InvestKL tarik pelaburan RM11.7 bilion 2011-2018

➔ Sasar tarik 13 syarikat MNC tahun ini

Oleh Nurhayati Abillah  
nurhayatiabillah@bh.com.my



**Kami yakin untuk menarik lebih banyak pelaburan seumpamanya tahun ini"**

**Zainal Amanshah,**  
Ketua Pegawai Eksekutif  
InvestKL

InvestKL menarik 78 syarikat multinasional (MNC) dengan pelaburan keseluruhan berjumlah RM11.7 bilion antara 2011 hingga 2018.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Zainal Amanshah, berkata bagi 2019, InvestKL menyasar untuk menarik 13 syarikat MNC dengan kekal fokus kepada pelaburan bernilai besar, berkemahiran tinggi dan berinovasi bagi mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan berkualiti di negara ini.

"Meskipun berdepan dengan

pertumbuhan ekonomi global perlahan dan ketegangan dagangan Amerika Syarikat (AS)-China, pelaburan yang dalam perancangan masih kekal berdaya tahan memandangkan ia dijalankan bagi tempoh jangka panjang.

"Justeru, kami yakin untuk menarik lebih banyak pelaburan seumpamanya tahun ini," katanya pada taklimat media Prestasi Invest KL, di Kuala Lumpur, semalam.

Yang hadir sama, Pengerusi Invest KL, Datuk Seri Michael Yam.

## Wujud 1,339 pekerjaan 2018

Pada 2018, InvestKL berjaya menarik 12 MNC dengan kelulusan dan pelaburan berjumlah RM2.3 bilion, selain mewujudkan 1,339 peluang pekerjaan.

Antara senarai MNC itu ialah Orange (Perancis), MetLife (AS), Electrolux (Sweden), EY (United

Kingdom) dan Zalora (Jerman).

Beliau berkata, pada tahun ini, InvestKL menumpukan untuk menarik MNC dari negara seperti AS, Eropah, China, Jepun dan Korea Selatan.

"Negara terbabit memiliki pertumbuhan kukuh dalam enam sektor yang kami sasarkan, terutama dalam teknologi pintar, teknologi pengguna, e-dagang, peralatan perubatan, perindustrian automotif, tenaga dan tenaga boleh diperbaharui," katanya.

Bagi tempoh 2011 hingga 2018, agensi mempromosikan pelaburan itu turut mewujudkan 11,693 peluang pekerjaan dengan 64 peratus atau 7,516 daripadanya adalah bergaji.

Daripada jumlah 7,516 itu, 80 peratus daripada pekerja bergaji adalah rakyat Malaysia dengan pendapatan tahunan berjumlah RM110,124.